

Ancaman kod QR

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com



PERKEMBANGAN teknologi tanpa batas membuatkan segala-segalanya berada pada hujung jari.

Daripada perbelanjaan menggunakan wang fizikal kepada kad kredit atau debit, kini segalanya lebih mudah dengan penggunaan dompet digital.

Kelebihan dompet digital bukan sahaja lebih selamat, namun lebih mudah dan digunakan secara meluas di seluruh dunia.

Begitu juga untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu produk atau syarikat. Pengguna tidak perlu lagi melayari Internet dan klik satu per satu paparan untuk mendapatkan informasi, tetapi dengan cuma sekali imbasan pada kod QR membolehkan mereka mendapat maklumat yang diingini.

QR adalah singkatan untuk *Quick Response* atau maklum balas yang pantas. Menerusi aplikasi tertentu seperti *barcode scanner* pada telefon bimbit, pengguna dapat mengimbas kod QR dan mendapat respon tertentu.

Timbalan Dekan (Pembangunan, Jaringan Industri dan Masyarakat) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Zuriati Ahmad Zukarnain memberitahu, kod QR boleh digunakan untuk berkongsi empat jenis maklumat dengan efisien iaitu alamat laman web, kandungan teks (250 aksara), nombor telefon (boleh terus menelefon) dan kod khidmat pesanan ringkas (SMS) yang boleh diletakkan maklumat

berkaitan penerima serta mesej sebanyak 150 aksara.

Selain itu, kod QR juga digunakan secara meluas pada laman web, iklan dan kedai runcit bagi membolehkan pengguna mengimbas untuk membuka kunci atau mendapatkan maklumat berkaitan perniagaan.

Malah, kini pengguna juga boleh mengimbas kod tersebut untuk membuat bayaran menggunakan dompet digital atau perbankan secara digital.

Nampak canggih dan mudah, namun pengguna diminta berhati-hati setiap kali melakukan imbas kerana dikhawatir diperangkap oleh pihak yang ingin mengambil kesempatan terutama berhubung maklumat peribadi dan nombor akaun bank.

Ini kerana menurut Zuriati, terdapat banyak kes berkaitan kod QR yang dimanipulasi untuk tujuan tertentu dengan niat yang tidak baik.

"Banyak kes jenayah melibatkan kod QR yang dilekatkan di sesuatu produk untuk mencuri data atau mengakses telefon pintar pengguna yang melakukan imbasan untuk memasuki akaun bank.

Terdapat juga aktiviti menyembunyikan alamat *phishing* membabitkan jenayah penipuan dan mencuri data sensitif.

Lebih membahayakan adalah penggunaan kod QR mula disalahgunakan sejak kebelakangan ini iaitu pengguna akan dilencangkan ke paparan lain untuk mendapatkan data peribadi secara sedar atau sebaliknya.

"Contohnya apabila seseorang mengimbas kod QR pada sesuatu

produk, mereka tidak dibawa ke laman web produk tersebut sebaliknya dilencangkan ke laman web lain.

"Jika perkara itu berlaku pengguna perlu segera memberhentikan carian tersebut. Lebih baik juga membuat aduan ke syarikat pengeluar produk tersebut agar mereka menyedari produk mereka menjadi mangsa pihak yang tidak bertanggungjawab," ujarnya.

Tambahnya, mungkin wujud pihak tidak bertanggungjawab dalam kalangan pengeluar kod QR yang meletakkan kod tersebut ke atas produk secara rawak.

"Ini bermakna mangsa dipilih secara rawak. Justeru saya ingin menasihati orang awam agar lebih berhati-hati ketika menggunakan teknologi ini. Ini kerana segala maklumat yang ada di telefon pintar anda akan diperhatikan mereka.

"Maklumlah zaman sekarang kebanyakan maklumat akan disimpan dalam telefon pintar seperti nombor akaun, kata laluan dan sebagainya.

"Penjenayah dengan mudah dan pantas boleh memperoleh maklumat tersebut tanpa kita sedari," jelasnya.

Tambah Zuriati lagi, lebih merisaukan kini transaksi kewangan juga boleh dilakukan melalui pengimbasan kod QR.

"Cara yang digunakan ialah dengan mengimbas kod QR dan mangsa akan dilencangkan ke paparan tertentu sehingga berisiko membuat pembayaran ke akaun yang salah," katanya lagi.

Jelasnya, teknologi mesra pengguna ini berisiko tinggi kerana ia diguna secara meluas di negara ini tanpa tapisan.



Semak sebelum imbas

KEKURANGAN pada kod QR adalah mustahil untuk membezakan secara visual antara kod asal daripada pihak lain yang berniat jahat. Justeru pemilik perniagaan perlu sentiasa membuat pemeriksaan berkala memastikan kod pihak yang berniat jahat tidak ditampal pada barang dagangan mereka.

Menurut Zuriati, terdapat juga kes pengguna terdedah kepada aplikasi jangkitan virus atau spam selepas melakukan imbas kod.

Walaupun kod QR memudahkan pengguna terutama dalam mendapatkan informasi dan pembayaran secara digital, namun disebabkan ia masih baharu dan digunakan tanpa kawalan oleh pihak berkuasa, teknologi tersebut menjadi satu ancaman yang bahaya kepada pengguna.

Justeru, pengguna perlu lebih peka terhadap beberapa perkara antaranya memerhatikan sebarang tanda kerosakan seperti pelekat yang ditampal di atas menu bercetak atau risalah sebelum mengimbas kod QR.

"Pelekat yang memiliki tanda-tanda kerosakan mungkin disebabkan penjenayah cuba menanggal dan menampal kod yang palsu.

"Pengguna juga disaran melihat imej dan logo terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang pengimbasan selain kesilapan ejaan bagi mengenal pasti sebarang kesilapan," tegasnya.

Dalam masa sama, beliau turut meminta pengguna tidak sewenang-wenangnya memuat turun pengimbas kod menerusi aplikasi dalam telefon pintar, sebaliknya menggunakan pengimbas kod QR yang selamat dan boleh membezakan antara laman web pihak berniat jahat dan menunjukkan URL sebenar sebelum mengimbas kod.

"Jangan sesekali masukkan sebarang maklumat peribadi selepas mengimbas kod QR dan berhati-hati apabila mengimbas kod di tempat awam kerana anda mungkin sedang diperhatikan untuk tujuan yang tidak baik," katanya.